

Minta Perhatian Setiausaha *Jam 'iyah*

Apabila Khalid ibn al-Walid, pahlawan Islam yang terbilang diutus mendatangi kaum bani al-Hārith bin Ka'ab di Najran (sebuah wilayah di Yaman), ia diperintahkan oleh Rasulullah (SAW) supaya menyeru mereka dalam masa tiga hari, sebelum memerangi mereka, supaya mereka masuk Islam dan diperintahkan oleh Baginda dengan sabda-Nya; “Jika mereka menyahut seruan Islam maka terimalah kamu akan sahutan mereka, dan tinggallah kamu bersama-sama mereka, serta ajarkanlah kepada mereka isi kitab Allah,

=====

(yang terdahulu – P.), atau beberapa bantahan bagi membetulkan faham yang menurut penyiasatan mereka, salah.

Di antara tafsir *muta'akhirin* yang dapat diketengahkan, ialah:

- 1). Fath al-Qadīr, susunan al-Shawkānī
- 2). Rūh al-Ma'ānī, susunan al-Alūsī
- 3). Fath al-Bayān, susunan Ṣadīq Ḥasan Khān.

Dan tafsir yang mustahak sekali diperhatikan isinya dari tafsir-tafsir zaman sekarang, ialah:

“Tafsīr al-Manār” yang disusun oleh al-Sayyid Muḥammad Rashīd Riḍā, yang (sebahagian daripadanya – P.) direncanakan (dalam majlis pelajaran di Azhar – P.) oleh al-Ustadh al-Imām al-Shaykh Muḥammad ‘Abduh. Dan sebuah lagi ialah “Maḥāsīn al-Takwīl,” susunan al-Shaykh Jamāl al-Dīn al-Qāsāmī.

(Demikian *maḍmūn* huraian al-Fāḍil Tengku Muhammad Hasbi Al-Sidiqi – P. Q.)

sunnah Nabinya dan hukum-hukum syariah Islam, dan jika mereka enggan, perangilah mereka.”

Daripada ini terang bahawa kalau seseorang Islam atau sekumpulan menyahut seruan Islam maka diperintahkan supaya ia berdamping dengan mereka untuk mengajarkan isi kitab Allah, sunnah Nabi dan hukum syariah Islam. Dengan cara ini baharu ada ertinya seseorang itu Islam dan dapat diharap untuk menjadi Islam yang sebenar!

Tetapi jika seseorang itu datang masuk Islam dan sesudah disuruh mengucap serta disuruh berkhitan lalu dibiarkan sahaja – tidak dihampiri dan tidak pula diminta ia belajar dan diberi syarat-syarat mesti belajar

agama; dan hanya diharap ia dengan kemahuan sendiri datang belajar – maka yang demikian ini, menurut pandangan kita, menyalahi perintah Rasulullah (SAW). Yang demikian ini hanya bertujuan seseorang ini Islam tetapi tidak mengetahui pengajaran Islam bahkan terus ia melanggar hukum-hukum Islam – ia masuk Islam kerana hendak berkahwin sahaja maka yang demikian ini adalah menjadi tanggungan dan bebanan sahaja sedang bebanan itu lebih berat kepada orang-orang yang mengislamkannya dengan tidak menghiraukan kewajipan dan tanggungan yang besar yang menjadikan orang-orang itu Islam yang sebenar.

Awaslah! Cara ini menyalahi perintah yang tersebut dan sebab itu tanggungan seperti yang dipesan kepada Khalid ibn al-Walid itu mustahak diperhati oleh *jam 'iyah al-da'wah al-Islāmiyyah*. * * *